

Malaysia tetap pulau UNCED

Oleh Kamal Ahmad

94 2 1992 1091

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi pendirian Malaysia tidak akan menghadiri Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED) di Brazil, Jun depan kecuali ia mendatangkan faedah kepada negara membangun.

Mengulas permintaan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari Kanada dan Eropah yang mahu Malaysia menghadiri UNCED, Jun depan, Perdana Menteri berkata, ketika ini kerajaan belum membuat keputusan mengenai perkara itu.

"Kita akan menghadiri persidangan itu jika negara-negara maju mengambil tindakan positif dan mengagihkan tanggungjawab secara adil kepada negara membangun dalam persidangan berkenaan.

"Kalau mereka mengambil pendirian yang merugikan negara-negara membangun, maka tidak perlulah kita hadirinya," katanya kepada pemberita selepas rakanan Ucapan Selamat Tahun Baru 1992, di Angkasapuri, hari ini.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, Malaysia akan hadir dalam mesyuarat khas bagi menentukan agenda yang akan

dibentangkan di UNCED dan mesyuarat membabitkan pertemuan perwakilan dari negara membangun yang akan menyertai persidangan itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, penyertaan Malaysia dalam persidangan itu harus memberi kesan yang positif kepada alam sekitar seluruh dunia, bukan hanya di Malaysia saja.

"Kita tidak mahu menyertai persidangan itu sekadar menyertai saja, kita mahu penyertaan kita mempunyai kesan yang baik kepada alam sekitar di seluruh dunia, bukan hanya di negara ini," katanya.

Pada Sabtu lalu, wakil Malaysia ke mesyuarat NGO di Paris, Puan Josie Zaini, berkata NGO dari Kanada dan Eropah mahukan Malaysia menghadiri UNCED di Brazil, Jun depan.

Permintaan itu disuarakan dalam mesyuarat NGO bagi persiapan UNCED, minggu lalu.

"NGO dari Kanada dan Eropah berpendapat, UNCED tidak akan bermakna tanpa kehadiran Malaysia," katanya.

Sementara itu dalam temuramah khas radio bergerak yang disiarkan secara langsung oleh RTM malam ini Perdana Menteri berkata, Malaysia mencapai tiga kejayaan

besar tahun ini — kemajuan ekonomi, kestabilan politik dan semua kaum menerima dasar negara dengan penuh bersemangat.

Sehubungan itu beliau berharap rakyat akan terus hidup aman damai serta berusaha gigih untuk memajukan negara bagi mempertahankan maruah bangsa serta tidak dipermainkan oleh pihak lain.

"Inilah harapan saya. Saya berharap rakyat bersyukur dengan pencapaian kita, keadaan dan kedudukan negara yang selamat," katanya.

Mengenai keadaan di seluruh dunia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sepanjang tahun ini berlaku bermacam-macam peristiwa yang tidak diduga dan membawa kesan amat besar terhadap negara di dunia, termasuk Malaysia.

"Kita dapati umpamanya pergolakan di Soviet Union, Eropah Timur, Perang Teluk dan penggubalan Orde Baru Dunia yang tidak mengambil kira pandangan dunia ketiga membuatkan Malaysia perlu berhati-hati," katanya.

Beliau bersama isteri, Datin Paduka Dr SitiHasmah Mohd Ali berada di RTM malam ini kerana menyaksikan Konsert Muzika Perdana yang disiarkan secara langsung oleh RTM.